

Headline	Saifuddin ada peluang menang		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	14	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,911
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,734



## PEMILIHAN PKR

# Saifuddin ada peluang menang

**Kuala Lumpur:** Datuk Saifuddin Nasution Ismail dilihat berpeluang cerah merebut jawatan Timbalan Presiden PKR berikutan mendapat sokongan penuh pemimpin tertinggi parti berkenaan termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Difahamkan, sokongan Anwar yang juga Ketua Umum PKR terhadap penyandang jawatan itu, Mohamed Azmin Ali mula beralih kerana Saifuddin yang kini Setiausaha Agung parti, dilihat lebih mampu mengikut kehendaknya.

### Ada usaha singkir Azmin

Malah, gandingan pemimpin popular PKR, Nurul Izzah Anwar dan Rafizi Ramli yang tu-

rut dikaitkan dengan Saifuddin, jelas membuktikan ada gerakan mahu menyingkirkan Azmin.

Penganalisis politik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Dr Ismail Sualman, berkata percaturan pada pemilihan kepemimpinan PKR kali ini dilihat bagi melindungi survival politik keluarga Anwar dan Wan Azizah dalam memastikan legasi kuasa mereka kekal dalam parti terbabit.

"Realitinya, PKR tidak mengamalkan demokrasi sebenar seperti diuar-uarkan. Paling jelas ialah tindakan Anwar dan Wan Azizah bertanding sesama sendiri (jawatan Presiden PKR) untuk memastikan jawatan tertinggi parti

kekal milik mereka walaupun mendapat kritikan," katanya.

Beliau berkata, PKR juga tidak muafakat dalam menentukan pucuk pimpinan kerana lebih mementingkan agenda peribadi, menjadikan kepentingan parti bukan keutamaan.

### Tak direstu Wan Azizah

"Azmin tidak direstu oleh Wan Azizah dan mereka (kem Presiden PKR) akan memastikan Azmin tidak mendapat tempat pada pemilihan kali ini. Malah, Anwar sendiri akan menyokong keputusan isterinya itu kerana mereka mempunyai percaturan tersendiri terutama sekiranya beliau dipenjarakan," katanya.

Ismail berpendapat, Anwar mula menyedari Azmin kini bukan 'budak suruhan' yang baik, lebih-lebih lagi apabila Timbalan Presiden PKR itu mempunyai sokongan kuat akar umbi.

"Azmin yang dulu bukan lagi yang sekarang, beliau tak perlu tunggu Anwar kerana ada beliau penyokong sendiri. Sedar atau tidak, dalam diam Azmin mula lari daripada kepompong Anwar," katanya.

Pemilihan PKR bakal menyaksikan pertembungan empat penjuara bagi jawatan Timbalan Presiden apabila Azmin dicabar Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Saifuddin serta muka baharu, Datuk K Ramachandram.